



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 27 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	EKSPLO MALAYSIA FEST 2022 PROMOSI PELBAGAI PRODUK NEGERI, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	200 PELAJAR BAKAL SERTA KURSUS NBME DI UITM MUKAH PADA OKT, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LAIN-LAIN
3.	BELIA PERLU TEROKAI BIDANG KEMAHIRAN, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/8/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Ekspo Malaysia Fest 2022 promosi pelbagai produk negeri



Ahmad merasmikan Ekspo Malaysia Fest 2022 di Singapore Expo, Changi, Singapura yang kini sedang berlangsung selama empat hari.

SHAH ALAM - Ekspo Malaysia Fest 2022 yang sedang berlangsung di Singapore Expo, Changi, Singapura selama empat hari sehingga Ahad ini menawarkan pelbagai produk segar Malaysia.

Sebanyak 220 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyertai ekspo itu bagi mempromosi dan memasarkan produk melambangkan negeri-negeri di negara ini termasuk destinasi pelancongan serta kraftangan.

Antaranya petai, nangka, cempedak dan ulam-ulaman kampung di samping produk hiliran seperti amplang Sabah, keropok lekor Terengganu, kek lapis Sarawak dan banyak lagi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penganjuran ekspo kali ini merupakan edisi kelima dan sememangnya amat dinantikan warga Singapura selepas dua tahun tertangguh berikutan Covid-19.

Menurutnya, pengunjung yang hadir ke tapak ekspo berpeluang untuk merasai pelbagai jenis citarasa makanan, produk popular dan budaya yang terdapat di seluruh Malaysia.

“Pada edisi kali ini, kita berjaya mendapat sokongan daripada beberapa kerajaan negeri seperti Selangor, Sabah, Negeri Sembilan, Perak, Sarawak dan Terengganu.

“Ini juga sebagai satu platform bagi usahawan tempatan memulihkan kembali perniagaan dan memastikan produk agromakanan keluaran negara kekal mendapat sambutan di pasaran global, sekaligus mempromosikan lokaliti negeri dalam sektor agropelancongan

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sentiasa membantu usahawan dalam menerokai ruang eksport yang tersedia bagi menggalakkan usahawan PKS Malaysia untuk menceburi bidang pengeksportan yang memiliki potensi pasaran yang lebih luas,” katanya ketika merasmikan ekspo tersebut pada Jumaat.



Ahmad melawat reruai disertai usahawan PKS yang mempromosikan produk Malaysia.

Ahmad turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara Anieps Enterprise Sdn Bhd bersama Rock On Consulting Pte Ltd.

Melalui kerjasama tersebut, produk sedia untuk dimakan (RTE) jenama Food Cartel akan diimport dan diedarkan Rock on Consulting Pte Ltd untuk pasaran antarabangsa dengan nilai perjanjian sebanyak RM20 juta bagi tempoh lima tahun.

Hadir sama, Penolong Ketua Pengarah National Trades Union Congress (NTUC), Zainal Sapari; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar Mohamad Mustafar; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA, Rosilawati Abu Hassan.

Berdasarkan rekod sebelum ini, penganjuran tahun pertama ekspo itu pada 2016 telah mencatatkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM4.5 juta dan terus meningkat sebanyak 60 peratus pada 2019 kepada RM7.3 juta.

Ujar Ahmad, bagi edisi Malaysia Fest 2022, FAMA menetapkan sasaran jualan sebanyak RM7 juta dan 90,000 pelawat dijangka mengunjungi ekspo tersebut.

“Selain daripada Singapura, FAMA turut merancang untuk menganjur ekspo Malaysia Fest ini di lain-lain negara bagi mempergiatkan aktiviti promosi produk agromakanan negara kepada masyarakat antarabangsa dan seterusnya meningkatkan nilai eksport produk tersebut di pasaran global.

“Ini juga sebagai satu medan atau platform bagi usahawan tempatan dalam memulihkan kembali perniagaan mereka setelah menempuhi tempoh pandemik.

“Ia bagi memastikan produk agromakanan keluaran negara kekal mendapat sambutan di pasaran global dan sekaligus dapat mempromosikan lokaliti negeri dalam sektor agropelancongan,” katanya.

Berdasarkan statistik dagangan antarabangsa ke Singapura oleh MAFI, nilai eksport bahan makanan Malaysia ke republik itu pada 2021 meningkat sebanyak 11.6 peratus kepada RM7.7 bilion berbanding RM6.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, nilai eksport buah-buahan pula meningkatkan daripada RM530 juta kepada RM540 juta bagi tempoh yang sama.



Ahmad (dua, kiri) melawat tapak Ekspo Malaysia Fest 2022 di Singapore Expo, Changi, Singapura.



27 AUG, 2022

200 pelajar bakal sertai kursus NBME di UiTM Mukah pada Okt

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

200 pelajar bakal sertai kursus NBME di UiTM Mukah pada Okt

MUKAH: Sekitar 200 pelajar bakal mengikuti kursus New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada Oktober depan.

Mereka terdiri daripada pelajar Politeknik Mukah (PMU), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan Usahawan Premium Seller Agrobazaar Online.

Kursus tersebut adalah untuk melahirkan usahawan

baharu khususnya dalam kalangan pelajar institusi awam atau swasta melalui pendigitalan pemasaran dengan kaedah 'dropship', ejen pemasaran dan produk agromakanan.

Antara program disediakan ialah latihan atau kursus memulakan perniagaan digital pasaran dan Agrobazaar Online.

Tajuk-tajuk dirancang ialah Modul Satu-Pendigital Pemasaran, Modul Dua-Pemasaran Digital dan

Penyesuaian Perniagaan.

Kursus dijangka dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (Pembangunan) Datuk Muhamad Mustahapa Awang.

Program tersebut merupakan kolaboratif antara PMU, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan FAMA.

Sementara itu, mesyuarat penyelarasan program dipengerusikan oleh Pe-

ngarah PMU Dr Zamzani Mohd Walid diadakan di Bilik Persidangan PMU, baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Pengarah FAMA (Pembangunan) Siti Rafiza Nawawi dan Timbalan Pengarah Akademik PMU Iskandar Rejuan.

MESYUARAT: Sesi fotografi setelah selesai mesyuarat penyelarasan bagi kursus tersebut.





27 AUG, 2022

200 pelajar bakal sertai kursus NBME di UiTM Mukah pada Okt

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MUKAH: Sekitar 200 pelajar bakal mengikuti kursus New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah pada Oktober depan. Mereka terdiri daripada pelajar Politeknik Mukah (PMU), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan Usahawan Premium Seller Agrobazzar Online. Kursus tersebut adalah untuk melahirkan usahawan

baharu khususnya dalam kalangan pelajar institusi awam atau swasta melalui pendigitalan pemasaran dengan kaedah 'dropship', ejen pemasaran dan produk agromakanan.

27 AUG, 2022

Belia perlu terokai bidang kemahiran

Utusan Sarawak, Malaysia



Belia perlu terokai bidang kemahiran

SAYA tertarik dengan kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63, Perhubungan Negeri-Persatuan), Datuk Shanifah Hasidah Aman Ghazali bahawa belia memainkan peranan penting dalam kehidupan bermasyarakat kerana mereka cerminan kehidupan pada masa depan.

Bagi saya, ini bukanlah isu baharu untuk diperbincangkan. Bagaimanapun, ia mempunyai signifikansi tersendiri yang mampu dihidang oleh setiap individu itu sendiri.

Kelika ini sememangnya peranan golongan belia dalam mengisi wadah perjuangan bagi menentukan hala tuju kehidupan sendiri amat ditagihkan oleh masa. Malah belia yang begitu mudah terpengaruh dengan perkembangan semasa melalui pelbagai maklumat dan media terutama media sosial (Indonesia menyebutnya sebagai medsos) sudah tentu akan mengikut aliran semasa dalam mengharungi kehidupan mereka.

Justeru, peranan golongan dewasa dalam masyarakat terutama ibu dan bapa, malah pemimpin sendiri amat diperlukan bagi memastikan belia ini tidak mudah terpesong dalam mencari kehidupan lebih sempurna dan dibawa.

Undi 18 kini menjadi asas penting dalam membawa belia ini ke arah kehidupan yang lebih bermakna, kerana dengan menandakan undi dipeli undi, secara psikologinya akan mempengaruhi mereka untuk melihat bagaimana perkembangan dalam negeri, malah dalam masyarakat mereka sendiri.

Undi 19 merujuk kepada penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun yang diluluskan Dewan Rakyat pada Julai 2019 dan akan turut diguna pakai pada pilihan raya umum akan datang.

Golongan muda ini pastinya akan mengemukakan persoalan, adakah undinya akan dapat mengukir kehidupan saktir daripada yang berlaku kepada belia-belia.

Saya juga bersetuju dengan kata-kata Shanifah Hasidah apabila beliau mencurahkan rasa kesalnya sambil berkata, "meskipun telah lama merdeka kita masih ditakuk lama seperti 65 tahun lalu. Kita memerlukan perubahan, sebab itu peranan belia amat dipartikan dalam usaha kita."

Tampak sekali nada kekesalan Shanifah Hasidah itu, amat mengujakan, terutama bagi belia yang benar-benar dapat merasakan betapa pentingnya peranan mereka dalam usaha untuk menggarap kehidupan lebih sempurna dalam masyarakat.

Justeru, belia menyarankan agar diperbanyakkan program untuk belia di negeri ini supaya mereka dapat merebut peluang dalam mengisi hasrat dan impian negeri untuk melinal belia berperanan lebih penting dalam usaha menentukan hala tuju pembangunan negeri ini.

Memang kita tidak menafikan terdapat pelbagai program untuk golongan belia dalam pelbagai bidang sosial, ekonomi, kebudayaan dan sewaktu dengannya. Namun apa menjadi kemusykilan kita ialah selepas program, apakah tindakan susutian yang akan diberikan kepada belia ini supaya mereka dapat memanfaatkan pengalaman diperoleh dalam setiap program sama ada yang berbentuk kursus, bengkel malah hubungan sosial biasa.

Tambah Shanifah Hasidah kerana itu, kita perlu membenkan latihan awal kepada belia melalui pelaksanaan program dan aktiviti yang mendatangkan faedah.

Selng dengan apa yang turut dikatakan oleh Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan, Datuk Majang Renggi, bahawa program Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), seharusnya menjadi pilihan utama belia untuk mempersiapkan diri menghadapi dunia pekerjaan pada masa depan.

Kebanyakan program itu boleh menjadi pemangkin utama bagi pertumbuhan ekonomi negara melalui pemerkasaan sumber manusia, kerana ia merupakan satu bidang pendidikan serta kemahiran yang memfokus kepada pembangunan kemahiran secara praktikal.

Menurut Majang, ia akan dapat membina persediaan sumber manusia yang bukal mempunyai kecekapan tenaga.

manusia dan mampu meningkatkan kemahiran kerja mereka yang sedang dalam perhidmatan.

Kita rasa ini langkah wajar yang perlu diambil peluang oleh belia, bukan sahaja kepada mereka yang terdiciir dalam pendidikan di peringkat rendah atau menengah, sebaliknya mereka yang telah berjaya dalam pendidikan dan memerlukan pengalaman khususnya dalam bidang kemahiran dan teknikal.

Ini kerana sektor pekerjaan dewasa ini amat memerlukan bidang teknikal dan kemahiran khusus dalam pelbagai bidang. Langkah Kementerian Pendidikan dalam menganjurkan pelbagai kursus, latihan dan program pendidikan kemahiran dan vokasional, banyak memberi peluang kepada belia hari ini untuk mendapatkan kemahiran khusus dan memudahkan usaha mereka mengisi peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran.

Menurut Majang, TVET dikenal pasti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai salah satu daripada 14 pamacu perubahan dalam Rancangan Malaysia ke-12.

Justeru, KPM sentiasa memberi peluang kepada pelajar mengembangkan bakat dengan mewujudkan pelbagai jenis sekolah mengikut kemampuan mereka dan kebolehan pelajar seperti sekolah sukan, sekolah seni dan vokasional.

Menaknnya juga, KPM bertenangjawab dalam meneraju

pebelajaran sains, teknologi kejuruteraan dan matematik untuk meringkatkan minat dalam kalangan pelajar melalui pendekatan pembelajaran baharu serta mamantapkan kurikulum.

Dalam usaha KPM untuk mamantapkan lagi pembelajaran ini, guru juga sentiasa diberikan latihan kemahiran khusus bagi memastikan program dapat berjalannya lancar dan lebih berkesan dalam usaha memperkembangkan pembelajaran itu.

Kita amat setuju sekiranya pendidik ini turut dibenarkan kemahiran khusus dan secara berturutan bagi memastikan mereka dapat menyediakan pembelajaran mengikut perkembangan semasa.

Ini kerana terlalu banyak perubahan dan peningkatan kecanggihan dalam bidang teknikal dan aplikasi yang terus dibangunkan dengan pelbagai bentuk perubahan setiap tahun, sejajar dengan perubahan waktu dan masa.

Terbukti kini, golongan belia perlu belajar dan mengisi waktu mereka dengan pendidikan yang memberi manfaat bukan sahaja kepada diri mereka, malah juga untuk masyarakat, negeri dan negara keseluruhannya.

Apa juga keadaan selepas itu, peranan pemimpin juga masih ditagih bagi memastikan golongan belia lepasan pendidikan dalam pelbagai bidang kemahiran dan teknikal, tidak terus diabaikan sebaik sahaja mereka memperoleh ilmu yang mampu

untuk mengisi pelbagai keperluan industri.

Banyak industri kini masih kekurangan pekerja mahir bagi memastikan projek mereka berjalan lancar.

Projek perkilangan, pemprosesan, pertanian, penanaman serta pembangunan hartanah termasuk juga industri perkhidmatan, penguasaan dan pentadbiran serta kewangan, semuanya memerlukan pekerja mahir.

Malah bidang kebudayaan dan kesenian juga masih memerlukan mereka yang berbakat dan mempunyai kemahiran dalam melahirkan bakat seni dan budaya di negeri ini.

Ini sesuai dengan perkembangan masa kini dimana terbuka luasnya ruang seni persembahan di negeri ini, benikutan wujudnya stesen televisyen sendiri di Sarawak, seperti TVS.

Sudah tentu juga dalam industri perkapalan dan perikanan, golongan belia juga perlu mengambil peluang kerana bidang ini menjanjikan pendapatan lumayan.

Harapan kita untuk melihat peluang akan terus terbuka untuk belia di negeri ini bagi menyahut seruan kerajaan supaya mereka merebut peluang yang disediakan untuk mendapatkan kemahiran.

Suasana masa kini amat sukar bagi mereka yang tidak mempunyai kemahiran dalam apa jua bidang. Tetapi yang penting ada minat. Tanpa minat mungkin sukar bagi anak muda untuk terjun dalam pelbagai industri ini.



CARI PENGHIDUPAN LEBIH SEMPURNA... Peranan golongan belia dalam mengisi wadah perjuangan bagi menentukan hala tuju kehidupan sendiri amat ditagihkan oleh masa. Malah belia yang begitu mudah terpengaruh dengan perkembangan semasa melalui pelbagai maklumat dan media terutama media sosial (Indonesia menyebutnya sebagai medsos) sudah tentu akan mengikut aliran semasa dalam mengharungi kehidupan mereka.



27 AUG, 2022

Belia perlu terokai bidang kemahiran

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SAYA tertarik dengan Kenyataan Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang- Undang, MA63, Perhubungan Negeri-Persekutuan), Datuk Sharifah Hasidah Aman Ghazali bahawa belia memainkan peranan penting dalam kehidupan bermasyarakat kerana mereka cerminan kehidupan piada masa depan. vBagi saya, ini bukanlah isu baharu untuk diperbincangkan. Bagaimanapun, ia mempunyai signifikan tersendiri yang mampu dihadam oleh setiap individu itu - sendiri.